

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR MOHD HAFIZ MOHAMAD
HANAFIAH
MENJALANKAN TUGAS TIMBALAN REKTOR
HAL EHWAL PELAJAR**

**MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
MAJLIS PEMBUBARAN MPP
UiTM CAWANGAN SELANGOR SESI 2024/2025**

**31 OKTOBER 2025 | JUMAAT | 5.00 PETANG
DEWAN KULIAH 1 (DK1)
KOMPLEKS ALAM BINA**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Dr. Suraya Ika Tamrin

Ketua Unit Kepimpinan Pelajar

UiTM Cawangan Selangor

Saudara Muhammad Iman Zulkifli

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar

UiTM Cawangan Selangor

Sesi 2024/2025

Saudari Nur Hidanah Afiqah Rizal

selaku Pengarah Program

Barisan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan
Selangor sesi 2024/2025

Sekretariat Majlis Perwakilan Pelajar UiTM
Cawangan Selangor sesi 2024/2025

serta hadirin hadirat yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, **mewakili YBrs. Profesor Dr.
Ahmad Taufek Abdul Rahman, yang
Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan
Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan

mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.

2. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama berhimpun dalam majlis yang penuh makna ini iaitu **Majlis Pembubaran Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor Sesi 2024/2025.**

2. Saya kira, majlis pada hari ini bukan hanya menandakan penutupan satu tempoh perkhidmatan, tetapi menjadi penghargaan yang selayaknya atas perjuangan, pengorbanan dan dedikasi barisan kepimpinan mahasiswa yang telah menabur bakti sepanjang tempoh setahun memimpin.

3. Justeru, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan tahniah kepada seluruh

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Selangor sesi 2024/2025 atas komitmen yang tinggi, keberanian menyuarakan aspirasi mahasiswa, serta kecekalan dalam memperkukuh kebajikan dan kesejahteraan sebagai penghubung utama antara pihak pengurusan dan pelajar.

4. Tanggungjawab sebagai MPP bukan mudah kerana ia menuntut ketahanan mental, kemahiran berorganisasi, kebijaksanaan membuat keputusan dan keikhlasan berkhidmat untuk kebaikan bersama.

5. Saya percaya, setiap cabaran, perbincangan dan keputusan yang dilalui telah mematangkan saudara-saudari dalam memahami erti kepimpinan sebenar, iaitu memimpin dengan amanah dan berkhidmat dengan hati.

Hadirin sekalian,

6. Kepimpinan mahasiswa memainkan peranan penting dalam membentuk ekosistem universiti yang progresif kerana di UiTM, pemimpin pelajar merupakan rakan strategik universiti, bukan sekadar pelengkap aktiviti tetapi peneraju perubahan yang mengangkat suara mahasiswa ke tahap lebih tinggi.

7. Sepanjang tempoh perkhidmatan MPP sesi ini, saya difahamkan bahawa pelbagai inisiatif berjaya dilaksanakan termasuk program kebajikan, akademik, inovasi serta libat urus bersama kepimpinan universiti dan komuniti luar, dan ini membuktikan bahawa MPP UiTM Cawangan Selangor bukan sekadar menunaikan mandat tetapi menanam nilai kepimpinan yang berkesan dan berimpak.

8. Walaupun majlis ini menandakan pembubaran rasmi MPP sesi 2024/2025, saya percaya semangat

perjuangan mahasiswa tidak akan berakhir di sini kerana ia akan terus hidup dalam diri anda di mana jua anda berada selepas ini.

9. Saya ingin berpesan kepada semua supaya terus menjadi pemimpin berjiwa besar, berintegriti dan berprinsip, serta membawa semangat UiTM di Hatiku dalam setiap langkah kehidupan kerana nilai yang dipelajari di sini menjadi asas kepada kejayaan masa depan.

10. Kepimpinan bukan sekadar tentang kedudukan atau pangkat, tetapi tentang tanggungjawab, keberanian dan kejujuran untuk berbuat yang benar walaupun tidak popular, dan itulah yang membezakan antara pemimpin yang diingati dengan pemimpin yang hanya singgah sementara.

Hadirin yang saya kasihi,

11. Sebelum saya akhiri ucapan ini, izinkan saya tinggalkan tiga pesanan untuk semua:

Pertama, teruskan belajar dan berkembang meskipun tanpa gelaran atau jawatan.

Kedua, kekalkan integriti dan keikhlasan dalam setiap tindakan.

Ketiga, jadilah duta universiti yang membanggakan UiTM di mana sahaja anda berada.

12. Sekalung penghargaan juga saya tujukan kepada pihak pengurusan, khususnya Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan urus setia program, atas usaha menjayakan majlis yang bermakna ini.

Pohon cengal ditepi perhentian,
Rimbun rendang di kala senja,
Walau tugas diujung perjalanan,
Budi anda dikenang selamanya.

13. Dengan penuh penghargaan dan rasa bangga, saya dengan ini secara rasmi mengisytiharkan pembubaran **Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Cawangan Selangor Sesi 2024/2025.**

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.